E-LPS Cameron Highlands diserahkan

PUTRAJAYA 9 Ogos - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi menyerahkan projek Lesen Pendudukan Sementara Elektronik (e-LPS) Cameron Highlands kepada kerajaan negeri Pahang bagi menangani permohonan LPS dan permit bertindih.

Lesen tersebut dikeluarkan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar kepada kerajaan negeri Pahang dan diterima Menteri Besarnya, Datuk Seri Adnan Yaakob dengan disaksikan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar di sini hari ini.

Terdahulu, Ahmad Zahid mempengerusikan Mesyuarat Majlis Biodiversiti Negara Ketiga (MBN-3) yang turut dihadiri beberapa Menteri Besar dan Ketua Menteri di Bangunan Perdana Putra, di sini. Turut menghadirinya ialah Wan Junaidi dan Timbalannya, Datuk Ir. Hamim Samuri.

Kementerian berkenaan dalam satu kenyataan memaklumkan bahawa e-LPS akan memudahkan pemantauan dan penguatkuasaan bagi membantu menangani isu ketirisan hasil negeri daripada aspek LPS dan permit di Pejabat Tanah dan Daerah Cameron Highlands.

Menurut kenyataan itu, Teknologi Sistem Maklumat Geografi (GIS) dan Sistem Kedudukan Global (GPS) yang diadaptasi dalam sistem e-LPS akan membolehkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan kawasan LPS yang diusaha secara berlebihan atau menceroboh tanah rizab.

> **Sistem ini dilengkapi aplikasi mobil yang membolehkan pegawai penguat kuasa melihat dengan lebih jelas kawasan-kawasan yang diceroboh atau lesen yang telah tamat tempoh."**
>
> **KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

"Sistem ini dilengkapi aplikasi mobil yang membolehkan pegawai penguat kuasa melihat dengan lebih jelas kawasan-kawasan yang diceroboh atau lesen yang telah tamat tempoh.

"Ciri-ciri yang terdapat dalam sistem tersebut ialah permohonan dan pembaharuan LPS, peringatan tarikh luput lesen dan permit, pemantauan pemilikan LPS dan permit, semakan status permohonan dalam talian serta penggunaan teknologi GIS," kata kenyataan itu.

Tambah kenyataan itu, penghasilan sistem e-LPS merupakan salah satu inisiatif bagi mengautomasikan penguatkuasaan penyalahgunaan LPS, seterusnya memastikan Cameron Highlands kekal hijau dan segar.

Sementara itu, sebanyak empat kertas pertimbangan telah dibincangkan dalam MBN iaitu pemeliharaan dan pemuliharaan 10 spesies pokok Dipterokarpa (Kaum Damar) yang dikategorikan sangat terancam dalam kawasan hutan di atas tanah kerajaan di Semenanjung.

"Turut dibincangkan isu hidupan liar yang menjadi mangsa langgar, pemuliharaan biodiversiti kawasan batu kapur serta penubuhan jawatankuasa bersepadu, pemantauan dan penguatkuasaan organisma diubah suai hidup," jelas kenyataan tersebut.

MBN turut membincangkan peranan pelaksanaan pensijilan kayu di bawah Skim Pensijilan Kayu Malaysia ke arah konservasi biodiversiti negara, memulihara keindahan flora Lembangan Tasik Chini, kesan El-Nino dan persediaan menghadapi fenomena kelunturan karang di perairan taman laut, pemuliharaan Harimau Kebangsaan, memulihara kawasan terosot di Tapak Ramsar Kuching serta pelupusan gading gajah yang berada dalam simpanan Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Semenanjung.

DR. AHMAD ZAHID HAMIDI (dua dari kiri) menyampaikan e-LPS Cameron Highlands kepada kerajaan negeri Pahang diwakili Adnan Yaakob selepas Mesyuarat Biodiversiti Negara Ke-3 di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. Turut kelihatan, Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar dan Ir. Hamim Samuri (kanan). - UTUSAN/ZAKI AMIRUDDIN

UTUSAN MALAYSIA, M/S 3
10.08.2016 / RABU